

07 JUL 2002

Abdullah-TPM

BAKAL TPM DIPUTUSKAN SELEPAS PILIHAN RAYA KECIL, KATA ABDULLAH

KUANTAN, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Badawi berkata keputusan berkenaan siapa bakal timbalannya selepas beliau dilantik sebagai Perdana Menteri kelak, hanya akan diputuskan selepas pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga akan menemui naib-naib presiden Umno untuk berbincang mengenai perkara itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan badan Perhubungan Umno Pahang di sini hari ini. Turut hadir Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Dan saya juga nyatakan kepada mereka (anggota Badan Perhubungan Umno Pahang) memanglah pada waktu ini kita dengar mengenai isu tentang siapa yang akan menjadi timbalan saya.

"Saya telah nyatakan kepada mereka yang saya akan buat keputusan mulai sekarang ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tapi saya memerlukan sedikit masa terutamanya pada sekarang ini Umno sedang menghadapi tugas di Pendang dan Anak Bukit," katanya.

Abdullah berkata tumpuan perlu diberikan pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit yang tarikh pengundian ditetapkan pada 18 Julai.

"Lepas itu barulah saya akan tetapkan bilakah masa yang sesuai. Tentu sekali saya akan cakap juga dengan Dr Mahathir. Sebelum ini saya dah bincang dengan beliau dan akan bincang lagi dengan beliau dan saya juga akan temui tiap-tiap seorang daripada naib presiden Umno yang ada sekarang ini," katanya.

Tiga naib presiden Umno pada masa ini ialah Najib, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Abdullah berkata: "Ini sebenarnya adalah amalan yang yang dibuat oleh Dr Mahathir juga semasa beliau hendak lantik saya dulu. Dia panggil semua orang dan bercakap dengan orang yang berkenaan mengenai perkara itu."

Perdana Menteri sebelum ini telah menamakan Abdullah sebagai penggantinya apabila beliau bersara pada Oktober tahun depan.

-- BERNAMA

MS HIS RHM